
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

**PLG 557 – Strategi-Strategi dan Kemahiran-Kemahiran
Kaunseling**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN

Jawab **EMPAT (4)** soalan semuanya. Jawab **SOALAN 1** dan pilih **TIGA (3)** soalan lain.

Jika calon menjawab lebih daripada tiga soalan pilihan, hanya tiga soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

...2/-

SOALAN 1

Faridah seorang pelajar Tahun 2 dalam jurusan kejuruteraan. Faridah merupakan anak sulung kepada sebuah keluarga yang terdiri daripada 8 orang adik beradik. Bapanya telah meninggal dunia dua tahun yang lepas dan kini ia disarai oleh ibunya yang bekerja sebagai seorang pembantu di sebuah restoran. Semenjak kebelakangan ini, Faridah mendapati dirinya tidak terurus seperti dia mula menjejak kakinya ke kampus. Dia sering sakit dan keadaan ini, menyebabkan pencapaiannya dalam semester yang lepas tidak begitu memuaskan. Keadaan ini telah memberi tekanan kepada dirinya sehingga dia merasakan dirinya tidak berguna lagi. Dia merasakan dirinya amat bodoh dan menjadi beban kepada keluarganya. Dia berfikir sepatutnya dia perlu berkerja untuk membantu adik-adik yang lain. Faridah kini mula menyalahi dirinya, kerana ibunya terpaksa memberi tumpuan untuk menyara dirinya sehingga tiga orang daripada adiknya terpaksa berhenti sekolah. Keadaan ini menyebabkan Faridah menjadi tertekan dan serba salah. Dia menyatakan sepatutnya dia yang perlu menjaga ibu dan adik-adiknya, tetapi keadaan sebaliknya berlaku. Kini adik-adiknya pula terpaksa bekerja bagi memastikan ia dapat terus belajar sehingga menamatkan pengajiannya. Faridah amat tertekan sehingga dia mula tidak hadir kuliah dan tutorial malah dia tidak menyiapkan tugasannya.

Berdasarkan kes di atas, cadangkan strategi dan teknik kaunseling yang anda akan gunakan berdasarkan tiga pendekatan teori: ketingkahlakuan, kognitif dan psikoanalisis.

(40 markah)

SOALAN 2

Kaunseling merupakan satu proses. Huraikan langkah-langkah dalam proses kaunseling.

(20 markah)

SOALAN 3

Bagi membolehkan sesuatu sesi kaunseling dapat dijalankan dengan berkesan, seseorang kaunselor perlu menguasai kemahiran asas dalam kaunseling. Huraikan kemahiran-kemahiran asas yang perlu dikuasai oleh seseorang kaunselor.

(20 markah)

...3/-

SOALAN 4

Suasana terapeutik merupakan satu aspek penting bagi membolehkan sesi kaunseling dapat dilaksanakan dengan berkesan. Huraikan bagaimana seorang kaunselor dapat mewujudkan suasana terapeutik dalam sesi kaunseling individu dan kaunseling kelompok.

(20 markah)

SOALAN 5

Komunikasi interpersonal dalam kelompok melibatkan pihak yang memberi dan yang menerima mesej secara berkesan. Huraikan garis panduan keberkesanan berkomunikasi dalam kelompok seperti yang dinyatakan oleh Johnson & Johnson (2000).

(20 markah)